

Pedofilia gangguan mental kronik



Pedofilia disenaraikan dalam manual diagnostik dan statistik sebagai masalah mental sejak 1968.

(Foto hiasan)

Pesakit alami tekanan cenderung lakukan jenayah seksual

Oleh Halina Mohd Noor
halina_mdnoor@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kanak-kanak yang pasif dan penakut lebih berisiko menjadi mangsa penderaan seksual dalam kalangan pedofilia.

Pegawai Psikologi Kanan Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Fatimah Abdul Ghani, berkata pedofilia mencari mangsa dengan memerhati dari jauh dan jika ada peluang, mereka mendekati mangsa.

Katanya, pedofilia selalunya akan 'melihat' potret kanak-kanak dengan ghairah walau gambar berkenaan biasa saja atau berpakaian sempurna.

Justeru, ibu bapa dinasihatkan tidak memuat naik gambar anak di laman sosial, terutama dalam keadaan tidak sempurna termasuk dari segi berpakaian bagi mengelak terdedah kepada pedofilia.

"Pedofilia adalah penyakit mental kronik yang menyebabkan penghidapnya berasa ghairah apabila melihat kanak-kanak atau gambar mereka.

"Ada pedofilia hanya menyimpan gambar bagi memenuhi ke-

perluan nafsu, pada masa sama mempunyai kecenderungan melakukan jenayah seksual," katanya mengulas mengenai isu berkenaan hingga mengganggu keselamatan kanak-kanak.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail memberi jaminan kerajaan akan memperincikan pendaftaran individu dengan kesalahan memiliki bahan lucah kanak-kanak, termasuk yang diumumkan di luar negara.

Ini susulan kerisauan orang ramai apabila seorang pelajar didapati bersalah kerana memiliki lebih 30,000 imej dan video lucah kanak-kanak di London pada 2015, melanjutkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Siti Fatimah berkata, Persatuan Psikiatrik Amerika (APA) sudah menyenaraikan pedofilia ke dalam manual diagnostik dan statistiknya sebagai masalah mental sejak 1968 lagi.

Gangguan ini disebabkan oleh fantasi seksual yang berulang, dorongan seksual, atau tingkah laku membabitkan kanak-kanak, subjek bukan orang dewasa atau pasangan seseorang.

Bagaimanapun katanya, tidak semua pedofilia adalah pencabul kanak-kanak atau sebaliknya.

"Ada banyak sebab seseorang menghidapi penyakit itu, antaranya orientasi seksual dialami ketika kecil, mungkin pernah disentuh, dirangsang atau pendedahan terhadap perlakuan itu pada zaman kanak-kanak.

"Ketika kecil, minda mereka di bawah sedar. Apabila menyimpan memori ia akan kekal berbanding



Ada banyak sebab seseorang menghidapi penyakit itu, antaranya orientasi seksual dialami ketika kecil, mungkin pernah disentuh, dirangsang atau pendedahan terhadap perlakuan itu pada zaman kanak-kanak.

Siti Fatimah Abdul Ghani,
Pegawai Psikologi Kanan
Bahagian Perkhidmatan
Sumber Manusia, UPM

minda sedar. Minda bawah sedar merangkumi, latar belakang, pendidikan dan agama," katanya.

Beliau berkata, hanya 30 peratus minda sedar yang mempengaruhi seseorang faham apa berlaku atau yang dilakukan terma-

suk terbabit dalam jenayah.

Katanya, dengan pengaruh persekitaran yang mudah mengakses pelbagai maklumat juga menggalakkan keinginan yang berlawanan dengan norma hidup normal.

Siti Fatimah berkata, penyakit mental boleh dipulihkan tetapi sangat sukar kerana membabitkan emosi dan proses baik pulih bergantung kepada kesediaan pesakit sendiri untuk berubah.

Katanya, pesakit perlu mempunyai kesedaran dan bersungguh-sungguh untuk berubah tanpa paksaan kerana perubahan tidak akan berlaku secara mutlak.

"Sebaiknya pesakit sendiri yang datang berjumpa pakar psikiatri atau psikologi untuk mendapatkan bantuan pencegahan bukan atas desakan orang lain.

"Kes membabitkan pedofilia dipandang serius di negara Eropah seperti United Kingdom dan Jerman. Malah mereka mempunyai sistem yang boleh mengesan dan menahan seseorang yang melayari atau memuat turun gambar kanak-kanak," katanya.

Beliau berkata, hukumannya serius iaitu, dipenjarakan dan pesalah perlu melakukan kerja sosial mengikut tempoh ditetapkan, selain menjalani program pemulihan khas.

Siti Fatimah berkata, tidak dinafikan peluang kedua harus diberikan kepada pesalah tetapi sejauh mana proses intervensi sudah dilalui perlu diambil kira.

Katanya, mereka perlu dirujuk kepada pakar psikiatri terlebih dahulu selain melalui program pe-

Info Pedofilia

Pedofilia ialah sejenis gangguan psikologi, iaitu individu dewasa atau remaja yang lebih tua tertarik secara seksual atau eksklusif kepada kanak-kanak yang belum baligh

Perlu dielak

» Muat turun gambar anak tidak berpakaian atau tidak sopan sama ada lelaki atau perempuan.

» Memberitahu lokasi di mana anak berada di laman sosial.

Tip cegah jadi mangsa

» Latih anak untuk tidak membenarkan sesiapa saja menyentuh bahagian sulitnya.

» Pakaikan anak pakaian yang tidak mencolok mata.

» Berikan perhatian sekiranya anak tidak berasa selesa atau takut berada dekat dengan seseorang.

» Sekiranya anak murung apabila mendekati seseorang, jangan biarkan tanpa pengawasan orang dewasa.

» Jangan membiasakan anak duduk di atas riba sesiapa saja, terutama lelaki.

mulihan khas.

"Tempoh pemerhatian sekurang-kurangnya setahun dengan pemantauan berterusan iaitu setahun intervensi dan dua tahun pemantauan," katanya.

Selain itu, beliau menyarankan supaya pangkalan data penjenayah, terutama membabitkan kesalahan seksual kanak-kanak perlu diwujudkan kerana ia adalah 'penyakit' yang sukar diubati.

"Ini boleh dilakukan dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Malah, kes yang belum diselesaikan perlu mendapat akses masyarakat supaya orang ramai diberikan maklumat dan perincian mengenainya," katanya.